

informika

Jurnal Peradaban Informasi Dan Ilmu

Tema : Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar

Informika
Jilid 2, 2013

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (Ketua)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (Timbalan Ketua Editor)

Editor Pelaksana

Mohamad Noorman Masrek
Siti Arpah Noordin
Mohd Jailani Paiman
Husain Hashim
Hasnah Hashim
Mohd Sazili Shahibi

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – Universiti Teknologi MARA

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – Universiti Brunei Darussalam
Prof. Dr. Ding Choo Ming – Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah – Universiti Malaysia Kelantan
Dr. Roosfa Hashim – Universiti Kebangsaan Malaysia
Dr. Wan Ali Wan Mamat – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-79622020 Faks.: 03-79622007)

Harga : RM 20 (Malaysia)
: USD 20 (Luar Negara)

INFORMIKA
JILID 2, 2013
ISSN 2231-7104

Bil	Kandungan	M/S
1	Sentuhan Intelektual Membaca Karya-Karya Agung Melayu <i>Ding Choo Ming</i>	1-20
2	Perpustakaan Pembina Tamadun <i>Muhammad Hj. Salleh</i>	21-24
3	Penerbitan Popular dan Penerbitan Ilmiah: Sejauh Mana Membentuk Minat Membaca Masyarakat <i>Zulkarnain Zakaria</i>	25-36
4	Ilmu dan Ilmu Pengetahuan dari Perspektif Islam <i>Norasiah Haji Harun</i>	37-42
5	Peranan Perpustakaan-perpustakaan Luar Bandar dalam Pembentukan Modal Insan yang Bernilai Tinggi <i>Norehan Ahmad dan Haliza Yahaya</i>	43-54
6	Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki di Malaysia <i>Ezza Rafeedziawati Kamal Rafeedzi, Abrizah Abdullah dan Nur Khairunnisha Zainal</i>	55-68
7	Memaksimumkan Pengguna Pusat Sumber Sekolah (PSS) Sebagai Agen Kecemerlangan Akademik <i>Zailani Shafie, Nor Ezan Omar dan Nor Diana Abd Rahman</i>	69-78
8	Pengabstrakan dan Pengindeksan di Malaysia: Satu Tinjauan <i>Abd Rashid Abd Rahman, Fuziah Mohd Nadzar dan Rosnita Sahrani</i>	79-94
9	Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat di Internet dari Kalangan Generasi Muda Melayu (Pelajar UiTM) <i>Mohd Sazili Shahibi, Mazwani Ayu Mazlan, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah</i>	95-101
ULASAN BUKU		
1	Tokoh-tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	103-104
2	Perpustakaan Digital: Isu dan Cabaran <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	105-106

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 2 (2013) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library Science - Malaysia - Periodicals
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II.Z671

©2013 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

PENGABSTRAKAN DAN PENGINDEKSAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Abd Rashid Abd Rahman, Fuziah Mohd Nadzar, Rosnita Sahrani

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

Kampus Puncak Perdana

40150 Shah Alam.

Tel : 03-79622118 Fax : 03-79622007

ABSTRAK : Artikel ini membincangkan sejarah dan pembangunan dalam bidang pengabstrakan dan pengindeksan di Malaysia, dengan menekankan perkembangan perkhidmatan pengabstrakan dan pengindeksan, membincangkan peranan Perpustakaan Negara Malaysia dan organisasi yang berkaitan dalam menghasilkan mekanisma pengabstrakan dan pengindeksan.

Kata kunci: Indeks; Abstrak; Perkembangan pengindeksan; Perkembangan pengabstrakan; Malaysia

PENGENALAN

Pengabstrakan dan pengindeksan adalah suatu aktiviti tertua yang telah dilakukan semenjak manusia mula mengenal tamadun. Indeks dan abstrak adalah dua alat pencarian maklumat yang penting dalam sesebuah sistem mendapatkan kembali maklumat sama ada secara pencarian manual atau menggunakan komputer. Pengguna perpustakaan terutamanya para penyelidik, menggunakan indeks dan abstrak untuk mengesan bahan di dalam koleksi perpustakaan. Beberapa kategori bahan yang biasa diindeks dan mengandungi abstrak ialah artikel dari jurnal, kertas kerja persidangan dan prosiding; tesis atau disertasi; juga karya-karya ulasan; spesifikasi dan paten; bahan monograf/buku serta laporan-laporan saintifik dan teknikal.

Maklumat atau data bibliografik adalah entri-entri penting yang boleh digunakan untuk tujuan dapatan semula maklumat. Antara entri yang digunakan sebagai deskripsi bahan: nama pengarang, judul, tajuk perkara, tahun, dan maklumat-maklumat lain pada bahan yang boleh diindeks dan difikirkan penting. Indeks amat penting kepada para pengguna, terutamanya kepada para penyelidik.

Maklumat kini boleh diakses melalui berbagai format pangkalan data; dalam bentuk media bercetak seperti kad indeks/katalog; indeks buku; mikrofis atau mikrofilem; khidmat indeks berkomputer di dalam bentuk CD-ROM atau secara atas talian melalui antaramuka jaringan Internet.

Kerja-kerja pengabstrakan dan pengindeksan bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Ianya telah bermula seiring dengan kewujudan institusi perpustakaan dan juga pusat-pusat maklumat yang ada; di samping penubuhan institusi pendidikan tinggi dan pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan seawal tahun 70'an lagi.

KEPENTINGAN PENGABSTRAKAN DAN PENGINDEKSAN

Kewujudan perkhidmatan indeks dan abstrak memberikan gambaran sejauh mana sesebuah negara itu maju dari aspek bidang sains dan teknologi. Di kebanyakan negara maju seperti di Jerman, Britain, Amerika Syarikat, juga di Jepun, perkhidmatan pengindeksan dan pengabstrakan moden telah bermula lebih dari 100 tahun yang lalu.

Saintis Jerman, Denys de Sallo (1626-1669), telah menerbitkan jurnal pengabstrakan yang pertama Journal des Scavans (Scholars' Journal) pada 1665 untuk menyebar luaskan segala penulisan saintifik negaranya. Kebanyakan jurnal pengabstrakan yang terbit selepasnya tertumpu kepada bidang-bidang lebih mengkhusus seperti sains kimia, antaranya Chemisches Zentralblatt (1830-1969) di Leipzig, Jerman. Ini diteruskan dengan penerbitan Chemical Abstracts (1907) di awal abad ke dua puluh.

Terdapat lebih banyak indeks dan abstrak yang terkenal muncul sebelum dan selepas perang dunia pertama dan kedua. Kesemua indeks dan abstrak ini sangat berkait rapat dengan perkembangan kemajuan sains dan teknologi di kebanyakan negara-negara Barat dan beberapa buah negara di Timur. Ketiadaan aktiviti pengindeksan dan pengabstrakan di negara-negara yang mundur juga menggambarkan situasi yang berkaitan, apatah lagi di negara-negara yang sedang membangun dengan kegiatan pengindeksan dan pengabstrakan yang dibuat dalam keadaan yang sangat sederhana.

Kebanyakan aktiviti pengindeksan dan pengabstrakan ini juga disokong dengan kewujudan persatuannya sendiri. Antara yang terkenal ialah American Society for Indexing (ASI, 1957), Australian and New Zealand Society of Indexers (ANZSI, 1976), The Indexing Society of Canada, Association of Southern African Indexers and Bibliographers (ASAIB), German Network of Indexers/ Deutsches Netzwerk der Indexer (DNI), China Society of Indexers (Zhongguo Suoyin Xuehui), Netherlands Indexing Network (NIN) dan Society of Indexers di Britain dan Ireland (SI). Kebanyakan persatuan ini menjalankan kegiatan yang menjurus kepada pemantapan bidang professional ini di kalangan para ahlinya. Sebagai contoh, Society of Indexers telah mewujudkan satu anugerah Wheatley Medal untuk memperakui sumbangan para pengindeks yang telah menghasilkan indeks terbaik dan berkualiti. Secara tidak langsung, anugerah ini dan beberapa anugerah daripada persatuan-persatuan pengabstrakan dan pengindeksan yang lain telah menyumbang kepada penghasilan indeks-indeks yang berkualiti; serta telah menyumbang kepada usaha-usaha mewujudkan program-program latihan kemahiran mengindeks dan mengabstrak; dan banyak lagi.

PERKHIDMATAN PENGABSTRAKAN DAN PENGINDEKSAN DI MALAYSIA

Berdasarkan maklumat yang ada, Malaysia belum mempunyai sebuah persatuan yang khusus menyokong aktiviti ini selain Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) serta aktiviti kawalan bibliografi dan sokongan dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Namun usaha-usaha mengindeks dan mengabstrak telah dijalankan di peringkat organisasi dari pelbagai sektor sejak tahun 70'an hingga kini. Sekurang-kurangnya usaha ini diwakili oleh lima bentuk organisasi utama iaitu organisasi kerajaan pusat (federal organisations); institusi pengajian tinggi (IPT) dan organisasi penyelidikan akademik (institutions of higher learning and academic research organisations); organisasi perdagangan/perniagaan (commercial organisations); organisasi perindustrian (industrial organisations) serta organisasi bukan-untuk-keuntungan dan persatuan profesional (societal/non-profit organisations).

Tinjauan ini lebih menumpu kepada pengindeksan bahan-bahan terbitan bersiri dan penghasilan sistem pencarian kembali maklumat melalui pangkalan data tempatan yang sedia ada berdasarkan beberapa kajian berkaitan yang dibuat mengenainya.. Pengindeksan bahan buku dan monograf tidak dibuat buat masa ini.

Roosfa Hashim (2006) telah meneliti perkembangan dan kemajuan jurnal ilmiah di Malaysia termasuk berdasarkan penulisan-penulisan penyelidik terdahulu, sejak dari jurnal terbitan pertama pada tahun 1847, iaitu *Journal of The Indian Archipelago and Eastern India* sehingga tahun 2005. Sebanyak 259 judul jurnal Malaysia telah disenaraikan, namun agak sukar untuk mengetahui bilangan jurnal terbitan Malaysia dengan tepat, kerana tiadanya suatu daftar yang lengkap dan tepat bagi jurnal yang diterbitkan di Malaysia.

Laman web SiriMalaysia.com (<http://sirimalaysia.com>) yang dibangunkan semenjak 2004 oleh Perpustakaan Universiti Tun Abdul Razak telah mengindeks dan menyediakan abstrak bahan bersiri di Malaysia. Terkini sebanyak 398 judul terbitan bersiri yang terdiri dari 33,386 artikel penerbitan jurnal dan majalah telah diindeks. Pangkalan data ini mempunyai keupayaan untuk dibangunkan dan berkembang maju kerana mempunyai kemudahan pencarian ke peringkat makalah.

Manakala Malaysian Abstracting and Indexing System (MyAIS di <http://myais.fsktm.um.edu.my/>) yang dibangunkan pada 2007 oleh sekumpulan penyelidik dari Unit Sains Perpustakaan dan Maklumat Universiti Malaya, diketuai Zainab Awang Ngah, bersama-sama Abrizah Abdullah, Nor Edzan Che Nasir dan Roosfa Hashim bertujuan menyediakan perkhidmatan indeks jurnal dan persidangan di Malaysia yang tidak diindeks oleh indeks/abstrak antarabangsa. Sistem ini telah mengindeks sebanyak 122 jurnal, tetapi di dalam senarai jurnal yang diindeks, terdapat juga jurnal-jurnal terbitan luar negara. Ia berpotensi besar untuk dimajukan supaya menjadi indeks petikan (citation index) tempatan yang berwibawa apabila ia melengkapkan kandungan jurnal tempatan sama ada dari segi liputan bilangan judul dan keseluruhan isu/jilid bagi sesuatu judul. MyAIS mampu menyaangi Thai Journal Citation Index Centre (http://www.kmutt.ac.th/jif/public_html/index.html) Semakan yang dibuat Abu Bakar Maidin (2009) melalui *Ulrichs Periodical Directory* (<http://www.ulrichsweb.com>), mendapati sebanyak 455 judul terbitan bersiri didaftarkan untuk Malaysia. Tetapi angka ini termasuk semua jenis terbitan bersiri seperti jurnal, majalah dan surat khabar. Ulrichs telah mengindeks sebanyak 300,000 judul jurnal ilmiah, jurnal akses terbuka, majalah popular, surat khabar, surat berita dan lain-lain penerbitan di seluruh dunia. Di kalangan negara ASEAN, Malaysia mempunyai bilangan terbitan bersiri yang ketiga tertinggi, iaitu 455 judul. Manakala Singapura mempunyai bilangan penerbitan tertinggi sekali di ASEAN, iaitu lebih dua kali ganda berbanding Malaysia. Jumlah terbitan bersiri negara-negara ASEAN adalah 2,932 judul ataupun hampir 1% daripada jumlah seluruh dunia. Sumbangan Malaysia dalam ASEAN dan dunia pula adalah 15.5% dan 0.15%.

Kajian yang dijalankan oleh Zainab (1997), mendapati sebanyak 54 jurnal ilmiah Malaysia telah diindeks atau diabstrak oleh 14 perkhidmatan indeks dan abstrak antarabangsa, kira-kira 25% dari jumlah jurnal ilmiah di Malaysia sebanyak 214 pada masa itu.

PERANAN PNM DALAM KERJA-KERJA PENGABSTRAKAN DAN PENGINDEKSAN

Perpustakaan Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan, seperti yang termaktub di dalam Akta Perpustakaan Negara, 1972 (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4 (1)(f) iaitu: Mengadakan perkhidmatan bibliografi, termasuk perkhidmatan bibliografi di peringkat kebangsaan dan satu katalog induk kumpulan perpustakaan; dan Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 (Akta A667), Bahagian II Seksyen 4 (2)(d)(ii), sebagai: Pusat Bibliografi Negara untuk penyelenggaraan rangkaian bibliografi kebangsaan, pangkalan data bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan.

Pendokumentasian merangkumi proses pengkatalogan, pengelasan dan pengindeksan bahan Malaysiana dan terbitan luar negara yang diperolehi oleh Perpustakaan Negara Malaysia bagi tujuan membina Pangkalan Data Bibliografi untuk memudahkan pengesanan kembali dan penggunaan bahan yang tersedia ada. Perpustakaan Negara Malaysia memperolehi bahan perpustakaan melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian, hadiah dan pertukaran yang didokumentasikan untuk menyediakan satu kemudahan untuk membolehkan para pengguna/orang ramai mengakses melalui OPAC Perpustakaan Negara Malaysia.

PENGINDEKSAN BAHAN-BAHAN MALAYSIANA

Pengindeksan adalah suatu kegiatan profesional yang berpandukan standard kebangsaan dan antarabangsa. Jika suatu tajuk perkara tidak terdapat dari Library of Congress Subject Heading, tesaurus/deskriptor sesuatu disiplin akan digunakan. Bahan Malaysiana yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) iaitu majalah dan kertas persidangan yang terpilih, akan diindeks mengikut format terbitan majalah/persidangan berpandukan Standard for Bibliographical Compilations edisi terkini dan ISO 690 : Documentation – Bibliographic References – Content, Form and Structure, edisi terkini.

Perkhidmatan Terbitan Bersiri merupakan satu perkhidmatan yang diperkenalkan semenjak tahun 1993 lagi untuk berperanan sebagai pusat kecemerlangan rujukan terbitan bersiri khususnya Malaysiana bagi memenuhi keperluan maklumat negara. Koleksi terbitan bersiri ini terdiri daripada bahan bercetak, bukan bercetak, elektronik dan dalam talian seperti majalah, surat khabar, laporan tahunan, buku tahunan, buku panduan, jurnal, indeks, abstrak dan sebagainya. Manakala laporan statistik, warta kerajaan dan akta hanya terdapat di Koleksi Malaysiana.

Setiap tahun PNM melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah merancang dan menyediakan program yang merangkumi ceramah, kursus, bengkel, seminar dan peperiksaan. Program-program ini terbuka kepada anggota Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta. Antaranya ialah menyediakan kursus-kursus yg diperlukan oleh pengindeks dan pengabstrak di peringkat kebangsaan sejak 1970'an lagi. Contohnya untuk tahun ini, satu Bengkel Pengindeksan Dan Pengabstrakan telah dilaksanakan pada 26 – 29 Julai 2011, yang mana di antara objektif bengkel ini adalah untuk memberi pengetahuan baru pada mereka yang belum didedahkan secara formal dengan ilmu ini agar pengetahuan dan kemahiran mengenai pengabstrakan dan pengindeksan para peserta bengkel dapat dipertingkatkan, sejajar dengan perkembangan semasa di dalam bidang ini.

Sejak sekian lama, PNM melalui Akta Kawalan Bibliografi tersebut telah menghasilkan beberapa judul terkenal seperti:

- i. Bibliografi Tumbuhan & Tanaman dalam Hutan (Flora & Fauna). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1982.
- ii. Indeks Majalah Malaysia = Malaysian Periodicals Index. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1973-.
- iii. Indeks Persidangan Malaysia 1976 = Index to Malaysian Conferences 1976. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1980.
- iv. Indeks Suratkhabar Malaysia = Malaysian Newspaper Index. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1979-1985.
- v. Katalog Induk Manusrip Melayu di Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.
- vi. Katalog Manusrip Melayu di Library of Congress. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.

PENGABSTRAKAN DAN PENGINDEKSAN DI PELBAGAI PERINGKAT ORGANISASI DI MALAYSIA

Berdasarkan pencarian secara rawak dari katalog perpustakaan yang disediakan secara atas talian, beberapa judul abstrak dan indeks yang diterbitkan di beberapa peringkat organisasi dapat disenarai pendekkan dan dikategorikan mengikut jenis organisasi tersebut. Senarai ini masih belum dikaji secara menyeluruh di semua peringkat organisasi di Malaysia dan perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Lihat Lampiran I.

PENGABSTRAKAN DAN PENGINDEKSAN MELALUI PANGKALAN DATA BERKOMPUTER

Usaha di peringkat kebangsaan telah dijalankan melalui PERPUN. Ia adalah satu landasan perbincangan ataupun forum kerjasama di antara dua pihak, iaitu kesemua Ketua Pustakawan di perpustakaan universiti dan Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Isu-isu yang diperbincangkan ialah mengenai pengukuhan jaringan komunikasi secara elektronik di antara perpustakaan universiti, perkhidmatan maklumat terkini, langganan kepada pangkalan data atas talian dan perkhidmatan penghantaran maklumat di antara perpustakaan akademik di Malaysia khususnya. Kesemua pihak yang terlibat ini akan bermesyuarat setiap tiga bulan sekali, dan setiap perpustakaan akan berpeluang menjadi penganjur kepada perbincangan tersebut.

Sejak 2005, PERPUN secara aktif telah menghasilkan beberapa projek pangkalan data atas talian utama untuk para pengguna di Malaysia. Antara yang telah dilaksanakan ialah MyTO (Malaysian Theses Online), E-Repository, Malaysian Gateway Internet Resources, Union List of Serials IPTA/IPTS (MyULIS). MyUniNet Portal (Malaysian University Libraries & National Library Network) adalah nama baru bagi menggantikan nama PERPUN. Portal MyUniNet ini boleh dilayari di <http://perpun.upm.edu.my/>.

Bernama Library & Infolink Service (BLIS) merupakan sebuah pangkalan data tempatan yang mengandungi maklumat mengenai industri di Malaysia hingga kepada maklumat arkib, berita BERNAMA dan segala peristiwa penting yang berkaitan dengan Malaysia. Maklumat yang ada juga meliputi surat khabar, majalah, Internet dan daripada pelbagai sumber termasuk agensi kerajaan, organisasi berita dan agensi penarafan. Ia telah dilancarkan pada 22 Oktober 2001 dan versi baru mula digunakan pada 1 Mac 2008 dan telah dilancarkan semula pada 22 April 2008. Kerja menaiktaraf telah dijalankan dari segi rupabentuk, keupayaan, kegunaan dan kelajuan pencarian maklumat.

Sebuah lagi pangkalan data seumpamanya ialah NSTP e-Media yang mengandungi maklumat terkini dan arkib artikel suratkhabar tempatan.

Manakala PNM juga telah menyediakan perkhidmatan dalam talian bagi terbitan bersirinya melalui Pangkalan Data Pancaran Mentari di <http://ils-gateway.pnm.my/> untuk mencari indeks kepada bahan-bahan majalah, jurnal dan kertas persidangan Koleksi Malaysiananya.

Sebuah pangkalan data yang mengkhusus kepada bahan-bahan Akta dan Perundangan tempatan iaitu LawNet juga merupakan antara indeks tempatan yang terhasil di awal 90'an. eGAFIM adalah satu lagi contoh perkhidmatan sistem atas talian yang disediakan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) untuk industri perfileman Malaysia. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan proses pendaftaran, kemaskini dan penyeragaman maklumat individu yang berdaftar dengan mana-mana persatuan yang berdaftar dengan Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia (GAFIM). Antara objektif pangkalan data ini adalah untuk memudahkan para penerbit membuat rujukan untuk produksi penerbitannya.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Perkembangan pengindeksan dan pengabstrakan di Malaysia sehingga kini adalah sangat positif, namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam usaha penambahbaikan aktiviti tersebut. Antaranya adalah:

Penyedian sebuah indeks induk

Usaha MyAis dan SiriMalaysia.com, juga oleh PNM dan PERPUN merupakan langkah-langkah berasingan di peringkat organisasi yang telah diusahakan untuk mengindeks dan mengabstrak segala penerbitan dan dokumen tempatan yang ada sejak sekian lama. Usaha yang telah dicetuskan ini seharusnya diteruskan untuk mewujudkan satu sistem indeks induk utama yang akan dapat meningkatkan akses kepada bahan-bahan tersebut di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Promosi

Kurangnya promosi menyebabkan segolongan rakyat Malaysia terutama para pelajar dan penyelidik tidak mengetahui kewujudan produk dan perkhidmatan indeks dan abstraks ini. Oleh itu, organisasi-organisasi yang terlibat dalam penerbitan dan perkhidmatan indeks dan abstrak ini perlu melipatgandakan usaha untuk mempromosikan, memperkenalkan dan memasarkannya kepada golongan sasaran agar indeks dan abstrak ini dapat dipergunakan secara meluas.

Latihan

Salah satu halangan kepada penggunaan indeks dan abstrak secara berkesan dan berterusan ialah ketidaktahanan pengguna menggunakaninya. Masalah ini berpunca daripada tiada atau kurangnya latihan yang diberi kepada pengguna. Latihan yang berterusan perlu diberikan oleh organisasi-organisasi yang menyediakan perkhidmatan indeks dan abstrak ini kepada pengguna agar mereka dapat memanfaatkan perkhidmatan ini di landasan yang betul. Malahan di peringkat sekolah lagi, para pelajar harus dilatih untuk mengenali dan menggunakan indeks dan abstrak agar mereka dapat menjadikan indeks dan abstrak ini sebagai alat pencarian sepanjang masa. Peranan guru pusat sumber untuk memberikan kemahiran literasi pada para pelajar amat penting demi pembelajaran sepanjang hayat mereka.

Persatuan profesional pengabstrakan dan pengindeksan

Aktiviti pengindeksan dan pengabstrakan ini akan lebih teratur dan berkembang dengan pesat sekiranya sebuah persatuan yang menaunginya diwujudkan. Fungsi sebuah persatuan pengindeksan sememangnya amat diperlukan dan telah terbukti di kebanyakan negara yang mempunyai persatuan yang sentiasa bergiat cergas membantu para saintis dan penyelidik mengembangkan hasil penulisan dalam berbagai media melalui pangkalan data yang semakin meluas digunakan di peringkat antarabangsa.

Penyelidikan dan pembangunan

Kajian yang terperinci perlu dijalankan untuk mengenalpasti bahan-bahan abstrak dan indeks di Malaysia yang pernah diterbitkan oleh pelbagai organisasi dan perlu disenaraikan dalam satu pangkalan data abstrak dan indeks tempatan. Daripada usaha ini, Malaysia boleh berbangga dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan saintifik yang sentiasa dijalankan walaupun ianya tidak tersebar secara meluas dalam membantu mempergiatkan gerakan penyelidikan di semua peringkat. Pangkalan data yang diusahakan ini boleh digunakan sebagai kayu pengukur pencapaian terhadap segala usaha membawa Malaysia sebagai sebuah negara industri yang maju dan berwibawa di samping membentuk masyarakat bermaklumat dan berilmu. Sehubungan dengan ini, satu cadangan untuk menubuhkan sebuah sistem dan perkhidmatan membolehkan akses; penciptaan; penghasilan; pengumpulan; penyusunan; dan penyebaran pengetahuan sains dan teknologi negara ini telah dikemuka melalui Projek Kajian Bibliometrik: Produktiviti Pengetahuan Sains dan Teknologi Malaysia, 2008. Adalah diharapkan sebuah dasar kebangsaan akan dapat diadakan supaya sistem dan perkhidmatan maklumat yang dicadangkan ini akan dapat direalisasikan demi memastikan kewujudan sebuah badan terpusat sebagai akses rujukan dan perkhidmatan maklumat sains dan teknologi negara dan warisan kebangsaan.

KESIMPULAN

Pengindeksan dan pengabstrakan adalah satu proses penghuraian atau pengkelasan bahan-bahan maklumat yang bertujuan untuk membantu pengguna mengenalpasti isi kandungan dan lokasi sesuatu dokumen itu dengan lebih cepat, pantas dan tepat. Kedua-duanya merupakan proses mengenalpasti subjek-subjek yang diperbincangkan di dalam sesuatu dokumen bagi memudahkan pengguna membuat keputusan sama ada dokumen tersebut relevan atau tidak dengan kehendak maklumat mereka. Hakikatnya, indeks

dan abstrak yang berhasil mewakili dokumen sebenar (document surrogate) yang dapat digunakan sebagai alat bantuan pencarian maklumat.

Di Malaysia, aktiviti ini didapati telah bermula sejak lama lagi dan diterajui oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Terdapat banyak usaha yang dilakukan oleh PNM bagi memperkenalkan dan memajukan aktiviti dan perkhidmatan berkaitan pengindeksan dan pengabstrakan, yang juga dilakukan oleh organisasi-organisasi yang lain di berbagai peringkat.

Walaupun masih banyak yang boleh dilakukan, namun perkembangan aktiviti dan perkhidmatan pengindeksan dan pengabstrakan di Malaysia dilihat sebagai satu perkembangan yang positif. Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat terkini, indeks dan abstrak juga telah diterbitkan secara pangkalan data berkomputer. Secara tidak langsung, ini telah meletakkan Malaysia sebagai berdaya maju dengan negara-negara besar lain dalam memperkasakan aktiviti dan perkhidmatan pengindeksan dan pengabstrakan khususnya.

RUJUKAN

- Abu Bakar Maidin (2008). Peranan perpustakaan dalam analisis penerbitan IPT: pengalaman Perpustakaan UKM. In: *Bengkel Analisis Jurnal Terindeks*, 27-28 Ogos 2008, ESSET, Bangi & Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Bangi. (Unpublished), Retrieved November 21, 2011, from <http://eprints.ukm.my/96/>
- Abu Bakar Maidin. (2009). Perkembangan dan kemajuan penerbitan jurnal Malaysia: strategi ke persada antarabangsa. Retrieved October 24, 2011, from http://eprints.ukm.my/210/1/KK_MAPIM_V10_2009.pdf
- Bernama (2011). Bernama Library & Infolink Service. Retrieved October 6, 2011, from <http://blis.bernama.com/mainHome.do>
- Cleveland, Donald B. and Cleveland, Ana D. (2005). *Introduction to indexing and abstracting*. 5th ed. Englewood, Colo.: Libraries Limited.
- Conference on the History and Heritage of Science Information Systems (1998: Pittsburgh, Pennsylvania). Abstracts of papers. Retrieved November 21, 2011, from <http://www.ibsci.sc.edu/bob/confprog/CONFABS1.HTM>
- King Mongkut's University of Technology Thonburi (2005). Thai-Journal Citation Index Center. Retrieved October 8, 2011, from http://www.kmutt.ac.th/jif/public_html/index.html.
- Lancaster, F. W. (2003). *Indexing and abstracting in theory and practice*. 3rd ed. London: Facet Publishing.
- MyUniNet Portal (2010). Malaysia University Libraries & National Library Network. Retrieved October 10, 2011, from <http://perpun.upm.edu.my/myULIS/myuninet.html>
- Perbadanan Kemajuan Filem Negara Malaysia (FINAS) (2009). eGAFIM. Retrieved October 8, 2011, from <http://www.sinemamalaysia.com.my/egafim/users/login>

- Pillmore, Lisa. (2006). Journal des scavans. Retrieved November 21, 2011, from <http://www.dramatispersonaearchive.org/journalscavans.pdf>
- Portal rasmi Perpustakaan Negara Malaysia (2011). Perkhidmatan Pendokumenta-sian - Perpustakaan Negara Malaysia. Retrieved October 10, 2011, from <http://www.pnm.gov.my/index.php?id=2015>
- Roosfa Hashim (2006). Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia: Perkembangan Mutakhir.
- Kertaskerja Persidangan Serantau Penerbitan Jurnal Ilmiah, 23-25 Mac 2006, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- SiriMalaysia.com (2005). Indeks dan abstrak bahan bersiri Malaysia. Retrieved November 15, 2011, from <http://sirimalaysia.com>
- The American Society for Indexing (2010). Professional Organizations. Retrieved November 21, 2011, from <http://www.asindexing.org/i4a/pages/index.cfm?pageID=3322#DNI>
- Ulrichsweb.com (2011). Ulrichweb. Global serials directory. Retrieved October 23, 2011, from <http://www.ulrichsweb.com>
- Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Tun Seri Lanang (2000). Botani. Retrieved November 10, 2011, from <http://pkukmweb.ukm.my/~library/botanir.htm>
- University of Malaya. Faculty of Computer Science and Information Technology, (2007). *Malaysian Indexing and Abstracting System*. Retrieved November 3, 2011, from <http://myais.fsktm.um.edu.my/>
- University of Washington. University libraries (2011). Southeast Asia Section. Bibliographies and Journal Indexes. Retrieved October 10, 2011, from <http://www.lib.washington.edu/southeastasia/bibscw.html>
- University of Wisconsin - Madison Libraries (1999). Print resources about Malaysia. Retrieved November 15, 2011, from <http://library.wisc.edu/guides/SEAsia/refbibmalayrb.html>
- Wikipedia, Ensiklopedia bebas (2007). Pengawalan bibliografik Nasional. Retrieved November 10, 2011, from http://ms.wikipedia.org/wiki/Pengawalan_Bibliografik_Nasional
- Zainab Awang Ngah (1997). The coverage of Malaysian scholarly journals by international indexing and abstracting services : an assessment of their visibility and common characteristics. *Malaysian Journal of Library and Information Science*. 2,1: 13-30. Retrieved December 14, 2011, from <http://majlis.fsktm.um.edu.my/detail.asp?AID=221>

LAMPIRAN I

Senarai abstrak dan indeks Malaysia yang pernah diterbitkan berdasarkan pencarian rawak di laman-laman web organisasi di Malaysia dan antarabangsa.

BAHAN ABSTRAK

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia. Kampus Sabah. (1989). *Abstracts honours year theses 1983-1988: Faculty of Science and Natural Resources Universiti Kebangsaan Malaysia Sabah Campus.* (Kaswardi Md. Ambia ...[et al], Eds.) Kota Kinabalu: Universiti Kebangsaan Malaysia. Kampus Sabah. Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Universiti Kebangsaan Malaysia. Unit Botani. (1981). *Abstrak botani 1 Unit Botani.* Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Putra Malaysia

Mohd. Ariff Arifin & Soong, Y. M. (1981). *Abstrak alam sekitar Malaysia.* Serdang: Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia.

Universiti Putra Malaysia

Universiti Pertanian Malaysia. Perpustakaan. (1980). *Abstrak buah-buahan Malaysia: disediakan bersempena dengan Simposium Buah-Buahan Malaysia pada 5hb hingga 7hb November 1980 di Universiti Pertanian Malaysia.* Serdang: Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia.

Universiti Putra Malaysia. (2000). *Abstracts of post-graduate theses, 1990-2000.* Serdang: Universiti Putra Malaysia. Fakulti Perhutanan.

Universiti Putra Malaysia. Fakulti Perhutanan. (2000). *Abstracts of research projects Bachelor of Forestry Science 1997/1998.* (Faizah Abood Haris, Faridah Md. Tahir, & Zakariya Abdullah, Eds.) Serdang: Universiti Putra Malaysia. Fakulti Perhutanan.

PERINDUSTRIAN :

Pertanian

MARDI. (1970?). *Abstracts of MARDI publications, 1971/75-*. Serdang: MARDI.

MARDI. (1985). *Abstracts of animal science and production research in MARDI 1979-1983. (Engku Azahan Engku Ahmed ... [et al.], Ed.)* Serdang: MARDI.

BAHAN BIBLIOGRAFI

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:

Universiti Kebangsaan Malaysia

Ding, C. M. (1981). *A bibliography of bibliographies on Malaysia*. Petaling Jaya: Hexagon Elite Publications.

Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan. (1993). *Mycorrhiza: sebuah bibliografi*. Bangi: Perpustakaan UKM.

Universiti Malaya (UM)

Muzium Islam Malaysia. (1992). *Bibliografi manuskrip Islam di Muzium Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Proudfoot, I. (1993). *Early Malay printed books: a provisional account of materials published in the Singapore-Malaysia area up to 1920, noting holdings in major public collections*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Tan, C. B. (1992). *Bibliography on ethnic relations with special reference to Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya.

JABATAN KERAJAAN:

Arkib Negara Malaysia

Arkib Negara Malaysia. (1967-). *Malaysian National Bibliography*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Lembaga Perancang Keluarga Negara Malaysia

Malaysia. Lembaga Perancanganan Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. [1990]. *Bibliografi wanita = Women's bibliography*. Kuala Lumpur: Lembaga Perancanganan Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

PENYELIDIKAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA:

Cheeseman, H. A. (1959). *Bibliography of Malaya, being a classified list of books wholly or partly in English relating to the Federation of Malaya and Singapore*. London: Longmans.

Corfield, J. J. (1991). *Religion in West Malaysia and Singapore: a bibliography*. [Hull]: University of Hull, Centre for Southeast Asian Studies.

BAHAN DIREKTORI

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia. Fakulti Sains Hayat. (1988). *Profil penyelidik kakitangan akademik Fakulti Sains Hayat Universiti Kebangsaan Malaysia 1988.* (A. Latiff. Ed.) Bangi: Fakulti Sains Hayat Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Teknologi MARA

Universiti Teknologi MARA. (2000). *Directory of expertise:* Universiti Teknologi MARA. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.

Universiti Teknologi MARA. Fakulti Undang-Undang. (2008). *Directory of expertise:: social science and humanities.* Shah Alam: Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA.

BAHAN INDEKS

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:

Universiti Kebangsaan Malaysia

Ismail Yusoff & Rosnah Yusoff (1992). *Politik Melayu: indeks akhbar 1989-1990.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu.

Rosnah Yusof, Rogayah Haji Md. Yasin (1994). *Indeks persidangan koleksi Perpustakaan Alam & Tamadun Melayu.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Kebangsaan Malaysia. (1980). Tesis dan latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973-1979 = *Theses and academic exercises,* Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973-1979. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Kebangsaan Malaysia. (1992). *Indeks dan abstraks jurnal UKM 1970-1990.* (Mohd. Ghazali Abbas, Zawiyah Mohd. Yusof & Rosnah Sulaiman. Eds.) Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Kebangsaan Malaysia. *Perpustakaan Tun Seri Lanang.* (1991). Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973-1989. Bangi: Perpustakaan Tun Sri Lanang.

Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Tun Sri Lanang. (1993). *Persidangan: senarai kertas kerja persidangan dalam simpanan Perpustakaan Tun Sri Lanang.* Bangi: Perpustakaan Tun Sri Lanang.

Universiti Malaya (UM)

Universiti Malaya. (19__?). *Indeks Malaysia: jurnal jurnal pendidikan: 1958 sehingga Disember 1987.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wan Ab. Kadir Wan Dollah. (1997). *Senarai tambahan tesis pendidikan (Sarjana dan Doktor Falsafah) 1995-1997*. Petaling Jaya: Perpustakaan Pendidikan Universiti Malaya.

Yong, L. M. S. (1989). *Educational theses index 1989: an indexed list of theses in the library, 1989*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

JABATAN KERAJAAN:

Arkib Negara Malaysia

Arkib Negara Malaysia. (2001-). *Indeks suratkhabar majlis* (Vol. 1-. no 1-). (Wan Zainun Wan Awang, Ed.) Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Arkib Negara Malaysia. (2004). *Indeks Federal Secretariat kumpulan kedua 1948-1957*. (Nor Janati Ibrahim, Liang. P., & Wan Zainun Awang, Eds.) Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Arkib Negara Malaysia. (2004). *Indeks kumpulan rekod: British military administration 1945-1946*. (Wan Zainun Wan Awang, Ed.) Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Kratoska, P. H. (1990). *Index to British Colonial Office files pertaining to British Malaya*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Wan Zainun bt. Wan Awang. (2004). *Indeks buku daftar rekod perkhidmatan awam: jilid 1 hingga jilid 20*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka

Fatimah Zahrin M. Taib & Hadijah Sani Ahmad.(1988). *Indeks Puisi Malaysia, 1967-1987*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Perangkaan

Malaysia. Jabatan Perangkaan. (1968-). *Indeks pengeluaran perindustrian Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.

Kementerian Pelajaran

Malaysia. Kementerian Pelajaran. (1984-). *Indeks keratan suratkhabar. (Pusat Pengembangan Kurikulum. Pusat Sumber, Ed.)* Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran.

Lembaga Perancang Keluarga Negara Malaysia

Malaysia. Lembaga Perancang Keluarga Negara. (1983). *Indeks keratan suratkhabar 1978-1982*. Kuala Lumpur: Lembaga Perancang Keluarga Negara.

PENYELIDIKAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Hill, L. (1991). *A new checklist of English-language fiction relating to Malaysia, Singapore, and Brunei*. [Hull, Hunterside]: Centre for South-East Asian Studies, University of Hull.

BAHAN DIREKTORI

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia. Fakulti Sains Hayat. (1988). *Profil penyelidik kakitangan akademik Fakulti Sains Hayat Universiti Kebangsaan Malaysia 1988.* (A. Latiff. Ed.) Bangi: Fakulti Sains Hayat Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Teknologi MARA

Universiti Teknologi MARA. (2000). *Directory of expertise:* Universiti Teknologi MARA. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.

Universiti Teknologi MARA. Fakulti Undang-Undang. (2008). *Directory of expertise:: social science and humanities.* Shah Alam: Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA.

BAHAN INDEKS

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:

Universiti Kebangsaan Malaysia

Ismail Yusoff & Rosnah Yusoff (1992). *Politik Melayu: indeks akhbar 1989-1990.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu.

Rosnah Yusof, Rogayah Haji Md. Yasin (1994). *Indeks persidangan koleksi Perpustakaan Alam & Tamadun Melayu.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Kebangsaan Malaysia. (1980). Tesis dan latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973-1979 = *Theses and academic exercises,* Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973-1979. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Kebangsaan Malaysia. (1992). *Indeks dan abstraks jurnal UKM 1970-1990.* (Mohd. Ghazali Abbas, Zawiyah Mohd. Yusof & Rosnah Sulaiman. Eds.) Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Kebangsaan Malaysia. *Perpustakaan Tun Seri Lanang.* (1991). Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973-1989. Bangi: Perpustakaan Tun Sri Lanang.

Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Tun Sri Lanang. (1993). *Persidangan: senarai kertas kerja persidangan dalam simpanan Perpustakaan Tun Sri Lanang.* Bangi: Perpustakaan Tun Sri Lanang.

Universiti Malaya (UM)

Universiti Malaya. (19__?). *Indeks Malaysia: jurnal jurnal pendidikan: 1958 sehingga Disember 1987.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wan Ab. Kadir Wan Dollah. (1997). *Senarai tambahan tesis pendidikan (Sarjana dan Doktor Falsafah) 1995-1997*. Petaling Jaya: Perpustakaan Pendidikan Universiti Malaya.

Yong, L. M. S. (1989). *Educational theses index 1989: an indexed list of theses in the library, 1989*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

JABATAN KERAJAAN:

Arkib Negara Malaysia

Arkib Negara Malaysia. (2001-). *Indeks suratkhabar majlis* (Vol. 1-. no 1-). (Wan Zainun Wan Awang, Ed.) Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Arkib Negara Malaysia. (2004). *Indeks Federal Secretariat kumpulan kedua 1948-1957*. (Nor Janati Ibrahim, Liang. P., & Wan Zainun Awang, Eds.) Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Arkib Negara Malaysia. (2004). *Indeks kumpulan rekod: British military administration 1945-1946*. (Wan Zainun Wan Awang, Ed.) Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Kratoska, P. H. (1990). *Index to British Colonial Office files pertaining to British Malaya*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Wan Zainun bt. Wan Awang. (2004). *Indeks buku daftar rekod perkhidmatan awam: jilid 1 hingga jilid 20*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka

Fatimah Zahrin M. Taib & Hadijah Sani Ahmad.(1988). *Indeks Puisi Malaysia, 1967-1987*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Perangkaan

Malaysia. Jabatan Perangkaan. (1968-). *Indeks pengeluaran perindustrian Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.

Kementerian Pelajaran

Malaysia. Kementerian Pelajaran. (1984-). *Indeks keratan suratkhabar. (Pusat Pengembangan Kurikulum. Pusat Sumber, Ed.)* Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran.

Lembaga Perancang Keluarga Negara Malaysia

Malaysia. Lembaga Perancang Keluarga Negara. (1983). *Indeks keratan suratkhabar 1978-1982*. Kuala Lumpur: Lembaga Perancang Keluarga Negara.

PENYELIDIKAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Hill, L. (1991). *A new checklist of English-language fiction relating to Malaysia, Singapore, and Brunei*. [Hull, Hunterside]: Centre for South-East Asian Studies, University of Hull.

Indeks to Singapore/Malaysia Legal Periodicals, 1932-1984. (1986). Singapore: *Malayan Law Journal.*

Index to Malaysian Statutes. (1996). Butterworths: *Malayan Law Journal.*

Penyelidikan Tempatan dan Antarabangsa

National University of Singapore. Central Library. (1984-). *Index to periodical articles relating to Singapore, Malaysia, Brunei, ASEAN; humanities and social sciences.* Singapore: National University of Singapore Library.

Siti Hanifah Mustapha. (1982). *A guide to Malaysian & Singapore legal periodicals.* Kuala Lumpur: Malaysia Law Publishers.

Sivachandralingam, S. R., & Noraini Mohamed Hassan. (2006). *Indeks artikel berkaitan sejarah Malaysia dalam jurnal terpilih tempatan dan luar negeri.* Shah Alam: Karisma Pub.

Sivaswamy, S., & Ramaswamy, S. (1988). *Index to state laws.* Kuala Lumpur: SS. Management.

Sivaswamy, S., & Ramaswamy, S. (1991). *Federal statute law reference & index to state laws.* Kuala Lumpur: SS Management.

Sivaswamy, S., & Ramaswamy, S. (1993). *Federal statute law referencer & index to state laws.* Kuala Lumpur: ILBS.

Sivaswamy, S., & Ramaswamy, S. (2004). *Federal statute law referencer : index to federal & state laws.* Petaling Jaya: International Law Book Services.

PERINDUSTRIAN

Filem Nasional Malaysia. (2008). *Filem Malaysia Era 1975-1999.* Petaling Jaya: FINAS.

Jamil Sulong, Hamzah Hussein & Abdul Malik Mokhtar. (2007). *Daftar Filem Melayu (1933-1993).* Petaling Jaya: FINAS.

PERSATUAN PROFESIONAL

Chandran, J. (1981). *An index to Malaysia in history: 1954-1979.* Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society.

Chuah, M., & Lee, A. F. (1993). *Index to Persatuan Ekonomi Malaysia publications 1964-1992.* Kuala Lumpur: Persatuan Ekonomi Malaysia.

Infoalert: *definitive monthly legal index of Malaysian cases.* (1999-). Petaling Jaya: Malaysian Bar Council and Sweet & Maxwell Asia .

Legal Research Board. (1998). *Index to Malaysian & Singapore cases (1932-1996).* Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Lim, H. T., & Wijasuriya, D. E. (1979). *Index Malaysian : an index to the journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society and the Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society 1878-1963*. Kuala Lumpur: Malaysia Branch Royal Asiatic Society.

BAHAN KATALOG

INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia. (1990). *Katalog koleksi Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

JABATAN KERAJAAN:

Arkib Negara Malaysia

Arkib Negara Malaysia. (1990). *Katalog suratkhabar dan majalah Bahasa Inggeris*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

PENYELIDIKAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Lim, P.P.H. (1992). *Singapore, Malaysian and Brunei Newspapers: An International Union List*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Tokoh-Tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan



Judul Buku : Lensa Kacamata

Penulis : Zahidi Dato' Zainol Rashid

Penerbit : Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Kedah)

Tahun : 2012

Muka surat : 556 halaman

Pengulas : Shaharom TM Sulaiman

Dalam tradisi kepustakawan di Malaysia, amat jarang golongan pustakawan yang menceburi dalam dunia penulisan. Dr. Zahidi Zainol Rashid merupakan antara segelintir pustakawan yang menceburi bidang tersebut. Di tangannya, pernah lahir buku Mahathir Menjulang Martabat Malaysia, Mahathir Di Mata Umum, dan Che Det dan Pekan Rabu. Minatnya yang mendalam dalam bidang sejarah khususnya sejarah tokoh menyebabkan beliau memberi tumpuan kepada penulisan bercorak biografi.

Dalam buku *Lensa Kacamata*, Zahidi telah mencatat sisi-sisi menarik tokoh-tokoh Negara seperti Tunku Abd. Rahman (Perdana Menteri Pertama) berdasarkan sejarah lisan yang tidak ditemui dalam buku-buku sejarah biografi Tunku. Tokoh-tokoh lain yang turut diliputinya ialah ialah seniman Omar Rojik, kisah tragis Tan Sri Abd. Rahman Hashim (mantan Ketua Polis Negara ketiga), Tun Mohamed Zahir Ismail (bekas Yang Di Pertua Dewan Rakyat yang juga seorang sasterawan), Tun Syed Ahmad Syed Mahmood Shahabuddin (Mantan Yang DiPertua Negeri Melaka) kisah cinta penyanyi tahun 1950an Allahyarham R. Azmi.

Zahidi juga menelusuri tokoh-tokoh yang namanya jarang dikenali tetapi memberi sumbangan dalam bidang tertentu dan mencipta nama di peringkat antarabangsa seperti A.B. Ibrahim (Pelukis kelahiran Kedah), Allahyarham Dr. Katni Kamsono Kibat (Ahli akademik terulung dalam bidang kepustakawan dan pengajian maklumat di Malaysia),


Abd. Halim ‘R’ (Pejuang sastera tradisi), Haji Mat Lala (Ulama yang seangkatan dengan Tok Kenali).

Dalam buku ini, Zahidi telah memperkasa kisah tokoh-tokoh besar Negara dan dalam masa yang sama memperkenalkan tokoh-tokoh ‘kecil’ yang banyak berjasa. Antara yang ‘besar’ dan ‘kecil’ sebenarnya tiada perbezaan, yang pentingnya perlu banyak kajian dan penulisan tentang tokoh-tokoh tersebut agar masyarakat Malaysia mengenalinya dan sumbangan-sumbangan yang telah diberikan. Bak kata Almarhum Sukarno (Mantan Presiden Indonesia), “Bangsa yang tidak mengenal pemikir (termasuk tokoh-tokoh) bangsanya adalah bangsa yang kerdil”. Melalui tokoh-tokoh ini, Zahidi tidak hanya menulis hal-hal ‘rasmi’ sahaja teapi turut memuatkan sisi-sisi menarik kemanusiaan dalam kehidupan tokoh-tokoh tersebut.

Dalam buku ini, Zahidi turut melakarkan pengetahuannya yang meluas dalam bidang sains, sejarah, dan kepustakawan melalui pelbagai tulisan yang menyentuh tersebut. Berdasarkan sejarah tradisi kepustakawan silam khususnya dalam peradaban Islam, para pustakawan adalah seorang ilmuwan kerana terdedah secara langsung dengan dunia ilmu dan perbukuan. Kerana itulah mereka mampu memahami banyak hal berkaitan pelbagai ilmu pengetahuan kerana minat budaya membacanya yang mendalam.

Namun yang menarik dalam buku ini, beliau menceritakan pengalamannya mengunjungi kampung-kampung buku di Eropah iaitu Hay on-Wye (Wales), Redu (Belgium) dan Bredevoort (Belanda). Pengalaman ‘memburu’ buku di kampung buku tentu sekali pengalaman yang unik dan istimewa berbanding pengalaman ‘memburu’ barang-barang di shopping mall atau kompleks-kompleks membeli belah mega. Buku ini sewajarnya dimiliki oleh perpustakaan-perpustakaan di Malaysia kerana ianya di tulis oleh seorang pustakawan yang memberi sumbangan bermakna dalam bidang penulisan.

Perpustakaan Digital : Isu dan Cabaran



Judul Buku	: Digital Libraries: Issues and Challenges
Penyelenggara	: Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mustaffa Darimi, Mohd. Zaihan Hussin, Gopi Ghantan Mylvganam
Penerbit	: UiTM Publication Centre
Tahun	: 2011
Muka surat	: 105 halaman
Pengulas	: Shaharom TM Sulaiman

Banyak nama telah diberikan kepada perpustakaan dalam Abad ke 21. Antaranya; perpustakaan elektronik, perpustakaan maya, perpustakaan digital dan perpustakaan ‘tanpa dinding’. Walau apa pun nama yang diberikan, sedikit sebanyak ada perbezaannya tetapi begitu kecil sehingga penggunaan mana-mana istilah sekalipun boleh membayangkan perkara yang sama. Namun, yang jelasnya perpustakaan-perpustakaan tersebut amat diwarnai oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih.

Koleksi perpustakaannya tentu sekali berorientasikan digital, dan organisasi maklumatnya menggabungkan penggunaan alat-alat elektronik, sumber-sumber maya, pangkalan data dalam talian dan perkhidmatan perpustakaan juga semakin canggih, mudah dan segera. Pokoknya, perpustakaan telah memberi keselesaan kepada penggunanya.

Dari segi konsepnya, hampir semua perpustakaan di Malaysia telah pun menuju ke arah digital bergantung pada tahap perlaksanaannya sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kehadiran internet telah menyemarakkan lagi fungsi perpustakaan digital.

Di Malaysia, tidak banyak penulisan tentang perpustakaan digital, maya, elektronik dan semacamnya diabadikan dalam bentuk penerbitan buku. Kehadiran buku ini telah memberi sumbangan yang amat bermakna kepada pemahaman perlaksanaan, cabaran dan isu-isu yang berkaitan perpustakaan digital di Malaysia. Tulisan-tulisan ini bukan bersifat teori dan konsepsual semata tetapi turut memuatkan kajian-kajian yang telah dibuat di beberapa perpustakaan di Malaysia.

Bagi para pengurus maklumat, pustakawan dan pekerja-pekerja ‘maklumat’, buku ini perlu dimiliki dan menjadi bahan bacaan yang amat berguna dalam bidang kerjaya yang diceburinya.